

Tulis sejarah lebih teratur —Dr. M

29 MAC 1977

INILAH sambungan soal-jawab wawancara khas dengan Dr. Mahathir Mohamed, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, yang siri pertamanya telah disiarkan di Berita Minggu semalam.

Soal: Adakah orang-orang Melayu akan memberi sambutan terhadap peluang itu, adakah Dr. berpendapat mereka akan bertindak balas?

Dr. Mahathir: Ya, saya rasa mereka akan berbuat demikian seperti orang-orang lain juga, jika kita sentiasa berlembut apabila mereka melakukan kesalahan dengan mengangapnya "tidak apa", ini tidak menguntungkan.

Contohnya, jika mereka pergi atau belajar di institut yang mereka sepatutnya belajar, tetapi mereka membuang masa dengan bermain-main sahaja. Saya tidak mem-

punyai tujuan untuk berkeras dengan mereka itu.

Soal: Apakah pendapat Dr. mengenai kekuatan setengah golongan khasnya orang-orang bukan Melayu umumnya?

Dr. Mahathir: Pada dasarnya saya rasa, mereka akan merasa yang mereka telah kehilangan peluang-peluang. Dalam konteks ini saya akan berkata YA berdasarkan kepada masa-masa lalu bila orang-orang Melayu tidak menyertai persalingan.

Tetapi sekarang mereka harus berkongsi peluang-peluang yang diberi dengan orang lain iaitu orang-orang Melayu sendiri khususnya dan kadang-kadang mereka perlu menyerahkan peluang-peluang yang mereka peroleh.

Persoalan

Dan ini tentu akan menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan bukan Melayu, tetapi ini hanyalah persoalan yang berhubung perkara-perkara telah lalu.

Walaupun pemerintahan British dahulu peluang-peluang untuk mereka dipotong dalam bidang perniagaan tertentu yang cuma diperuntukan kepada orang-orang British sahaja, tetapi kerana yang ini di anggap sebagai hak mereka (British), maka tidak timbul perasaan tidak senang hati.

Tetapi sekarang mereka mengharapkan untuk mendapatkan segala-galanya dan jika ada penghalang, mereka akan bersugul sekira sekali lagi mereka cuba membandingkan peluang-peluang yang didapati di negara-negara lain, mereka akan mendapati bahawa penghidupan di Malaysia tidak menjamin kebimbangan mereka, sebabnya ialah ramai yang ingin ke mari dan ini menuntukkan bahawa Malaysia tidaklah sebuah negara yang sebegitu buruk.

Soal: Adakah Dr. berpendapat bahawa golongan bukan Melayu mempunyai perasaan bimbang terhadap masa depan mereka?

Dr. Mahathir: Saya tidak fikir mereka harus merasa bimbang atau takut. Mereka yang mempunyai perasaan demikian terdiri dari golongan yang mahukan segala-galanya untuk diri mereka sendiri. Ragi orang-orang bukan Melayu yang sederhana, tidak ada apa-apa yang perlu mereka bimbangkan.

Mereka mempunyai lebih banyak peluang di negara ini daripada tempat lain, Saudara mesti mengingatkan kembali satu kejadian tidak lama dahulu iaitu dua orang pelajar China di Australia cuba bekerja sebagai tukang masak, tetapi mereka tidak dibenarkan, sebaliknya bila mereka pulang ke tanah air mereka boleh bekerja dan menjadi jutawan, bukan sahaja tukang masak.

Soal: Sejak kebelakangan ini, banyak kedatangan percakapan mengenai kurang sopan di dalam perniagaan, apakah pandangan Dr. dalam hal ini?

Dr. Mahathir: Saya suka menyatakan bahawa saya tidak berkuasa untuk mengawal rasuah samada di pe-

tingkat tinggi atau rendah, ramal orang mengatakan yang kita perlu memberi perhatian kepada peringkat tinggi dan melunakkan peringkat rendah, tetapi saya berpendapat bahawa ini adalah sikap yang salah kerana rasuah di kalangan peringkat rendahlah yang kesannya menimpa mereka yang miskin.

Contohnya, para petani Melayu biasa pergi ke pejabat-pejabat membayarkan \$5 untuk mendapatkan sesuatu perkara dilaksanakan, sedangkan ia tidak dikenakan sebarang bayaran mengenai perkhidmatan itu, kerana boleh didapat secara percuma.

Rasuah 'seumpama ini tidak menyentuh rasuah yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit, rasuah yang besar adalah sangat buruk dan tidak patut digalakkan; sebaliknya, rasuah pada keseluruhannya, tidak kira peringkat tinggi atau rendah patut dihindarkan dan inilah tujuannya diadakan tatasusila di kalangan orangramai di negara ini:

Harapan

Soal: Apakah harapan dan perkara yang ditakuti oleh Dr. bagi kepentingan negara ini?

Dr. Mahathir: Saya rasa negara ini adalah sebuah negara yang besar dan ia mempunyai berbagai peluang untuk semua orang. Saya rasa adalah satu kesalahan besar yang dilakukan oleh mereka yang meninggalkan negara ini atau mereka yang sedang berfikir untuk meninggalkannya untuk mengubah keadaan hidup.

Soal: Apakah pendapat Dr. mengenai pelaburan modal asing?

Dr. Mahathir: Pelaburan modal asing itu sebenarnya bukan asing, kerana pertama sekali tempatnya mestilah di dalam negara ini, oleh itu mereka harus mematuhi undang-undang dan jika mereka berlaku sumbang, kita sentiasa dalam keadaan untuk bertindak

dang perhubungan bukan meliputi mass media, tetapi Talipon, ia tidak boleh dibenarkan dikendalikan oleh swasta. Perkhidmatan keretapi dan penerbangan inilah inti untuk negara.

Soal: Dr. pernah mengatakan bahawa buku-buku Sejarah yang digunakan di sekolah-sekolah patut ditulis semula supaya bila para pelajar membacanya akan berasa bangga hasil

kejayaan para pemimpin dan tokoh-tokoh negara, adakah Dr. fikir ini telah banyak dilakukan menerusi pengajaran sivik dan lain-lain bagi membentuk atau memupuk perasaan membanggakan negara?

Dr. Mahathir: Saya tak fikir kita telah membuat usaha yang cukup ke arah itu, malah ia patut ditambah lagi, untuk melakukan ini dengan cara teratur, maka sikap guru-guru haruslah diubahsuakan.

Semangat

Contohnya, jika saudara ingin memupuk semangat kebangsaan dengan mentikberatkan kepada perlakuan tokoh-tokoh negara pada masa-masa lalu dan mungkin sebagai seorang guru yang lebih condong kepada sosialism akan menganggap pencapaian yang diperolehi oleh Tunku Abdul Rahman tidak membolehkan ia menjadi seorang ketua negara.

Tentu sekali dengan anggapan seumpama ini, dia tidak akan membuat kajian atau pergi mengintip hal ehwal pelajar, maka di sini timbul satu conflict di antara kepentingan untuk guru-guru ini dengan perkara yang sepatutnya disampaikan kepada para pelajar.

Soal: Sebenarnya, Negeri China, moral atau pelajaran politik sangat berguna, manakala pelajaran mengenai teknologi dan teknik diketepikan. Tetapi di negara ini, adakah Dr. fikir terlalu banyak pengetahuan

dan jika mereka berterusan periaku sumbang, kita tidak akan teragak-agak mengambil alih kuasa ke atas perusahaan-perusahaan mereka.

Selagi mereka membuka peluang pekerjaan, saya tidak nampak sebab-sebab mengapa mereka tidak boleh masuk. Tetapi kita perlu mendampingi industri-industri baru ini supaya secara perlahan-lahan kita boleh menjalankan atau memulakan perusahaan kita sendiri tanpa bergantung kepada pengetahuan asing.

Soal: Apa pandangan Dr. mengenai nationalisation?

Dr. Mahathir: saya mempunyai pandangan yang kuat dalam perkara ini kerana saya tidak setuju dengan nationalisation sebagai doktorin, saya tidak fikir ia boleh dilakukan, kerana ia akan menghancurkan negara.

Bagalmanapun saya berpendapat bahawa setengah perusahaan yang tertentu perlu dikendalikan oleh Kerajaan sebagai contohnya di bi-

Oleh NORDIN MOHAMAD

mengenai teknologi diberikan dan kurang pula pelajaran mengenai moral dan politik yang mana kedua-duanya adalah lebih penting di dalam negara yang sedang membangun?

Dr. Mahathir: saya fikir ini bukanlah soal terlalu banyak atau sedikit tetapi soalnya ialah kesan pengajaran yang diberikan itu. Saya rasa tumpuan kepada bidang pengetahuan yang lain telah mencukupi, tetapi tidak begitu berkesan dalam pengajaran mengenai moral dan perasaan taat setia kepada negara atau perasaan membanggakan negara.

Soal: Adakah Dr. berpendapat bahawa sekolah-sekolah kita perlu menjadi kenderaan (vehicle) untuk negara dalam pengajaran itu?

Dr. Mahathir: Saya fikir perlu, apa yang saya katakan ini ialah bahawa sekolah-sekolah patut mengada function ini seberapa yang ia mampu.

Soal: Bagaimana caranya pihak sekolah-sekolah memenuhi function ini?

Dr. Mahathir: Adalah sukar untuk menerangkan, barang kali perlu bagi kita untuk cuba menerangkan tentang sebab-sebab mengapa kita mengadakan dasar kebangsaan (national policies).

Seperti yang pernah saya katakan dahulu bahawa kita tidak begitu baik dalam bidang perhubungan - perhubungan awam bukan sahaja dengan negara-negara luar, tetapi juga dengan kebangsaan (nations) negara ini.

Soal: Dr. pernah menyebut bahawa perlanti

telan banyak menuis mengenai masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu, apakah tujuan dan hujah-hujah Dr. sebenarnya?

Dr. Mahathir: Kebanyakan rencana-rencana itu menerangkan keadaan kemiskinan petani-petani dan nelayan-nelayan Melayu, ketika itu tidak sesiala yang mengambil tahu tentang masalah dan penderitaan mereka.

Oleh itu, saya rasa, saya patut membuat ramalan tentang tindakan bagi mengatasi masalah mereka itu. Pada masa itu belum Merdeka dan tidak ada banyak yang boleh dilakukan untuk mengubah nasib dan penghidupan kaum nelayan dan petani.

Saya rasa, hanya ada satu jalan bagi mengatasi masalah-masalah itu dengan mendapat kembali kuasa supaya dengan kuasa itu kita dapat mengesan penderitaan dan kesengsaraan serta juga untuk membangunkan Bahasa Melayu serta kebudayaan negara ini.

Pada pendapat saya kita belum lagi banyak berubah, kecuali boleh dikatakan bahawa kita sekarang telah berkeupayaan untuk membendung masalah-masalah tersebut yang pada masa lalu sangat dahsyat.

Soal: Adakah Dr. menganggap bahawa Dr. ketika itu sekurang-kurangnya berada 10 tahun ke depan?

Dr. Mahathir: Saya tidak berdaya untuk berkata bahawa apa yang saya tulis dahulu dianggap sebagai soal-soal baru, sebab tidak ada siapa ketika itu menulis

hul dan menemui orang-ramai dan ketika itu kaum wanita tidak aktif di lapangan politik serta sangat sedikit saya kenal kaum wanita kecuali beberapa orang jiran, tetapi mereka ialah sebagai Gurubesar di Sekolah Ingeris yang mana saya sangat menyanjunginya. Oleh itu saya memikirkkan, saya perlu menulis sesuatu mengenai mereka.

Soal: Adakah Dr. mengalami kesusahan atau pahit maung kehidupan semasa kecil?

Dr. Mahathir: Saya tidak berjalan kaki hingga 10 batu ke sekolah, tetapi pernah berkaki ayam. Saya ke sekolah dengan Becu dan balik berjalan kaki sejauh kira-kira dua batu dengan berkaki ayam di atas jalan batu di tengah-tengah panas terik dan juga tidak mempunyai banyak wang.

Untuk menambah wang saku, saya terpaksa berusaha sendiri seperti menjual belon, saya membeli belon dengan harga satu sen dan menjualnya sebanyak satu setengah sen.

Saya bersekolah Melayu dahulu di Sekolah Melayu Seberang Perak dalam darjah 'O' ketika itu tidak ada sistem kelas satu seperti sekarang, sekarang saudara tidak dapat mendengar kelas 'O' (Nnt. selepas itu saya melanjutkan pelajaran ke primary satu dan dua di Sekolah Ingeris dan saya melompat kelas dari darjah tiga ke darjah lima, disebabkan berikunya peperangan dunia pelajaran saya terganggu seketika.

"Hanya satu perkara yang sangat - sangat memberi kesan kepada saya dalam bidang pe-

kan Dr. sebagai Timbalan Perdana Menteri akan dapat menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang pelajaran, bolehkah Dr. terangkan, apakah masalah yang paling besar yang belum selesai?

Dr. Mahathir: Pertama saya perlu membuat pembetulan bahawa saya tidak kata yang saya dapat menyelesaikan. Saya kata, kuasa yang lebih sedikit itu boleh menolong saya dalam usaha menyelesaikan masalah dalam pelajaran.

Ini tidak bermakna usaha itu akan berjaya 100 peratus, sudah tentu dalam masalah apa jua pun, kuasa yang ada di tangan seseorang itu adalah satu alat yang begitu berkesan sekali.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya percaya lebih banyak kuasa daripada Menteri sahaja. Mungkin dengan kerana itu saya dapat mengumpul maklumat dengan lebih cepat dan lebih berkesan lagi, dapat membincangkan dengan cara yang lebih mendalam dengan semua pegawai tidak terhad kepada pegawai-pegawai dalam Kementerian Pelajaran sahaja.

Maklumat

Dan mungkin oleh kerana sebagai TPM saya dapat overview yang lebih luas, maka dapat saya menentukan keutamaan di dalam apa-apa allocation samada tenaga ataupun kewangan supaya melalui allocation ini dapat saya mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran.

Soal: Dalam tahun lima puluhan, Dr.

di dalam akhbar mengenai pembangunan. Ini disebabkan tidak ramal orang yang boleh menulis kepada akhbar.

Pada masa itu, saya ialah sebagai seorang Wartawan bebas, pada tahun 1949 atau 1950 saya telah mampu membeli sebuah motosikal hasil daripada pendapatan saya sebagai penulis bebas, ketika itu saya sedang belajar di Universiti dalam bidang perubatan. Ada rencana-rencana saya dibayar hingga \$40.

Soal: Bolehkah Dr. menceritakan sedikit tentang latarbelakang kehidupan Dr. di masa kecil?

Dr. Mahathir: Kehidupan keluarga saya sederhana, ayah saya bekerja sebagai seorang guru yang sangat strik dalam memberikan pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak dan mungkin inilah yang menyebabkan saya maju dalam pelajaran dan mungkin kerana sebagai guru juga ayah saya begitu strik dan ini telah memberi kesan kepada sikap saya dalam disiplin. Dengan itu saya segera mempelajari mengenali kenyataan dan kebenaran serta melanjutkan pelajaran ke Universiti Singapura.

Diterbit

Saya juga boleh dikatakan banyak menulis rencana dalam tahun 1946, Rencana sulung saya mengenai Wanita Melayu telah diterbitkan dalam akhbar Sunday Times.

Soal: Apakah yang menarik perhatian Dr. menulis tentang Wanita Melayu pada masa itu?

Dr. Mahathir: Ya, itu adalah disebabkan saya seorang Melayu yang saya kira, saya mengeta-

jaran ialah kerana rumah saya boleh dikatakan penuh dengan buku-buku Inggeris dan saya banyak membaca buku-buku tersebut.

Semasa dalam darjah

★ LIHAT MUKA 5

Mahathir pernah niaga jual goreng pisang

29 MAC 1976
Dari muka 4

5 saya dilantik sebagai salah seorang ketua perpustakaan bagi darjah saya, dengan ini bererti setiap hari Khamis saya membeli majalah-majalah seperti Rover, Champion dan habis membacanya dalam tempoh dua hari setengah.

Pada masa itu juga saya boleh dikatakan seorang murid yang sangat pandal dalam bahasa Inggeris di dalam darjah, ini adalah disebabkan saya sebagai ketua perpustakaan.

Berikutan dengan itu penglihatan mata saya mula rusak. Pada saya, hujung minggu adalah satu masa yang paling sesuai membaca buku-buku dan majalah-majalah.

Soal: Apakah kemungkinan dalam kehidupan Dr. ketika itu?

Dr. Mahathir: Saya pernah berniaga menjual goreng-pisang semasa Jepun, ketika itu saya berumur antara 16 atau 17 tahun, kawan-kawan yang sama berniaga de-

ngan saya masih ada lagi hingga sekarang, saya menjalankan perniagaan ini kerana saya tidak mahu bekerja di bawah tangan Jepun seperti setengah daripada abang saya.

Perkara yang dirasakan penting juga dalam hidup saya bila penyer-taan buat pertama kalinya dalam lapangan politik sebab sahaja lepas peperangan dunia kedua, kami menaikan sepanduk menentang Malay Union ini dalam tahun 1946.